

## **PENGUNAAN WARNA PADA HURUF-HURUF MAD ASLI DALAM PENGAJARAN SURAH AL-BAYYINAH**

Oleh

**SITI HAJAR BINTI AHMAD SABARI**  
**shasz89@gmail.com**

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu murid-murid mengaplikasikan hukum Mad Asli dengan tepat semasa membaca surah Al-Bayyinah. Hasil tinjauan awal menunjukkan bahawa kebanyakan murid dapat menyatakan hukum Mad Asli secara teori semata-mata dan lemah dari aspek praktikal. Di dalam pendekatan ini, huruf-huruf mad diwarnakan dengan warna merah bagi membantu murid-murid mengenalpasti hukum Mad Asli yang terdapat di dalam kalimah. Peserta kajian terdiri daripada enam orang murid tahun empat di salah sebuah sekolah di Kuching, Sarawak. Instrumen pengumpulan data yang digunakan adalah ujian lisan, catatan refleksi, temu bual, soal selidik dan pemerhatian. Data yang telah dikumpul dianalisis secara statistik diskriptif. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian positif peserta kajian dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan tepat. Kajian ini turut membantu mengubah amalan pengajaran saya dan seterusnya membantu memupuk minat murid terhadap aktiviti membaca Al-Quran. Bagi menjalankan kajian lanjutan, saya mencadangkan agar elemen warna ini digunakan untuk memperkenalkan hukum-hukum tajwid lain atau hukum mad lain.

*Kata kunci : huruf-huruf Mad, Hukum Mad Asli, elemen warna, surah Al-Bayyinah, alternatif*

### **ABSTRACT**

This action research is intended to help pupils in applying "Hukum Mad Asli" (Natural Madd Rule) accurately when reciting the Al-Quran. The preliminary research shows that most of the pupils were only able to state the Natural Madd Rule in theory but unable to use it practically. For this research method, the letters of Mad Asli were coloured in red as guidance for pupils to identify them in the kalimah. The participants of this research are six Year 4 pupils from a primary school in Kuching, Sarawak. The instruments for data collection used are oral test, written reflection, interview, questionnaire and observation. The data gathered were statistic-descriptively analysed. The finding of this research shows a positive improvement among the participants in reciting the kalimah with Mad Asli accurately. This research had also benefited my teaching practice as well as encouraged pupils' interest in the reciting Al-Quran activities. To further this study, I would suggest that this colour element is to be used in introducing other Tajweed Rules or other Madd Rules.

*Keywords: letters of Madd, Hukum Mad Asli (Natural Madd Rule), colour element, Surah Al-Bayyinah, alternative*

## **PENGENALAN**

### **Konteks**

Saya merupakan guru pelatih bagi program Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pengajian Islam dan Al-Quran di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL), Kuching, Sarawak. Sebagai guru pelatih semester akhir, saya berpeluang menjalani sesi praktikum dan internship di Sekolah Kebangsaan Orkid (SKO) yang terletak di Kuching, Sarawak.

Sepanjang sesi praktikum fasa tiga ini, saya berpeluang untuk mengajar Pendidikan Islam bagi murid tahun 4. Memandangkan semester tersebut merupakan semester pertama dalam tahun ini, Model Enam Bulan Khatam Al-Quran dilaksanakan di setiap sekolah rendah seluruh Malaysia semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) mata pelajaran Pendidikan Islam. Murid Tahun 4 akan mengikuti aktiviti Model Enam Bulan Khatam Al-Quran selama 6 bulan pertama setiap tahun (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, 2009). Melalui model inilah, saya mula menyedari kegagalan saya dalam melaksanakan sesi P&P bidang Al-Quran yang berkesan. Hal ini dapat dibuktikan apabila murid-murid hanya dapat menyebut hukum bacaan Mad Asli secara teori semata-mata namun masih gagal untuk mengaplikasikan semasa membaca Al-Quran.

Menurut Model Slavin (1994) dalam Shahril (2004) mengatakan bahawa pengajaran guru yang berkesan dipengaruhi oleh empat faktor, iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa. Ahmad Mohd Salleh (2008) juga telah merumuskan bahawa sekiranya seorang guru tidak dapat menyampaikan ilmu secara efektif walaupun sesuatu sistem pendidikan itu baik, guru itu tetap dianggap tidak berjaya. Oleh itu, saya telah membuat kajian untuk memperbaiki amalan pengajaran saya ini. Bagi saya, adalah menjadi tanggungjawab seorang guru Pendidikan Islam bagi memastikan murid-murid Islam dapat membaca Al-Quran dengan tajwid yang tepat. Maka, dengan ini, saya telah melaksanakan kajian tindakan mengenai keberkesanan penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dalam pengajaran tilawah Al-Quran.

### **Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran**

Sepanjang empat minggu pelaksanaan sesi P&P Model Enam Bulan Khatam Al-Quran bagi murid tahun empat, saya dapati murid-murid kerap melakukan kesilapan semasa menyebut kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli. Murid tidak dapat mengaplikasikan bacaan yang tepat iaitu bacaan panjang dua harakat. Ada di antara murid-murid ini membaca dengan bacaan yang pendek dan ada pula yang membaca dengan bacaan panjang yang melebihi dua harakat. Murid-murid juga kerap melakukan kesalahan bacaan (hukum tajwid) yang sama. Mereka tidak mengambil berat atas bacaan yang diperbetulkan oleh guru. Malah, semakin teruk apabila mereka dapat menyatakan panjang bacaan hukum Mad Asli secara teori sahaja, akan tetapi gagal mengaplikasikan di dalam bacaan Al-Quran.

Perkara sebegini berlaku mungkin kerana amalan pedagogi yang saya gunakan kurang berkesan. Saya hanya menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Saya memulakan bacaan Al-Quran potongan demi potongan ayat dan murid mengikut bacaan saya. Saya beranggapan bahawa teknik ini dapat mencegah mereka daripada membaca Al-Quran dengan bacaan yang salah. Namun, pada hakikatnya, pendekatan saya inilah yang menyebabkan murid-murid semakin tidak mengambil berat mengenai hukum tajwid semasa membaca Al-Quran. Terdapat beberapa orang murid tidak memberikan perhatian pada potongan ayat yang diperdengarkan oleh guru. Mereka hanya sekadar mengulang semula bacaan guru tanpa mengambil berat terhadap sebutan huruf dan hukum tajwid serta tidak mempedulikan di mana kedudukan ayat yang dibaca. Menurut Ab. Halim dan Mohamad Khairul (2010) penggunaan strategi dan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap kecerdasan murid merupakan ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seorang guru.

Chow (2011) dalam bukunya menegaskan bahawa guru kajian tindakan akan sentiasa mengamalkan refleksi kritikal terhadap amalannya dalam bilik darjah. Keadaan sesi P&P yang agak hambar ini telah merungsingkan saya. Saya telah melakukan perbincangan lanjut bersama guru pembimbing praktikum dan rakan sepraktikum bagi mendapatkan pandangan dan idea mereka.

Hasil perbincangan tersebut, saya telah mencuba satu pendekatan baharu dalam memperbaiki amalan pedagogi saya ini pada minggu ke-4 sesi P&P. Saya telah meminta murid-murid untuk menggunakan naskah Al-Quran yang telah disediakan oleh pihak sekolah. Semasa proses P&P Al-Quran menggunakan naskah Al-Quran yang hukum tajwid tidak diwarnakan, saya dapati tiada perubahan terhadap sikap dan tingkah laku murid. Bacaan hukum Mad Asli mereka masih silap. Namun, apabila mereka menggunakan naskah Al-Quran yang hukum tajwidnya telah diwarnakan, saya dapati murid-murid dapat membaca dengan tepat tanpa saya perlu memperdengarkan bacaan terlebih dahulu. Melalui kajian tindakan, guru tidak akan mudah berpuas hati dengan apa yang mereka lakukan (Chow, 2011).

Melalui peristiwa tersebutlah saya bertekad untuk membuat kajian lanjut mengenai kesan penggunaan warna pada hukum tajwid di dalam naskah Al-Quran terhadap mutu bacaan murid. Ebbutt (1985) dalam Chow (2011) menerangkan bahawa kajian tindakan merupakan kajian sistematik terhadap usaha untuk menambahbaik amalan pendidikan oleh sekumpulan pendidik melalui tindakan praktik serta refleksi terhadap kesan amalan mereka. Bagi memastikan keberkesanan kajian, saya hanya menumpukan kepada hukum bacaan Mad Asli memandangkan ianya merupakan hukum tajwid asas dan jumlahnya yang banyak di dalam Al-Quran.

### **Fokus Kajian**

Saya berhasrat untuk memudahkan murid-murid dalam mengaplikasikan hukum bacaan Mad Asli yang betul dan tepat semasa membaca Al-Quran. Tumpuan saya adalah kepada murid-murid tahun empat di SKO, Kuching.

Berdasarkan pemerhatian saya semasa sesi P&P lalu dilaksanakan, ramai murid masih lemah untuk mengaplikasikan bacaan hukum Mad Asli yang terdapat pada kalimah-kalimah di dalam Al-Quran. Namun, jika di tanya secara teori, mereka dapat menjawab dan menjelaskan kaedah bacaan hukum tajwid tersebut iaitu bacaan panjang sebanyak dua harakat.

Keadaan ini mungkin berlaku kerana sesi P&P adalah berpusatkan kepada guru semata-mata iaitu diri saya sendiri. Murid hanya akan mendengar bacaan guru dan mengulang semula bacaan tersebut tanpa mengetahui hukum bacaan dan kaedah bacaan yang sebenar. Murid tidak berpeluang untuk berdikari dan meneroka sendiri Ilmu Tajwid. Dalam situasi ini, murid mudah berasa bosan dan tumpuan mereka mula hilang. Jika tumpuan mereka terganggu, mereka akan mudah lupa terhadap apa yang telah disampaikan oleh guru. Menurut Ee Ah Meng (1997), Sekiranya murid berasa seronok ketika menjalankan sesuatu, perkara yang dialami diingati dengan lebih lama lagi.

Penguasaan Ilmu Tajwid adalah antara masalah yang dihadapi oleh kebanyakan umat Islam khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Antara masalah yang ketara ialah murid tidak dapat mengaplikasikan bacaan hukum dengan tepat pada kalimah yang mengandungi hukum tersebut semasa membaca Al-Quran.

Murid tahun empat di SKO tidak terkecuali dalam menghadapi masalah ini. Hukum tajwid yang asas seperti Mad Asli masih tidak dapat dikuasai dengan baik. Murid kerap membaca dengan kadar bacaan yang pendek apabila membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli ini.

Sekiranya masalah ini tidak diperbaiki, murid akan terus membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian dengan bacaan yang salah dari segi hukum tajwid khususnya hukum Mad Asli. Masalah ini akan bertambah parah apabila murid mengekalkan bacaan yang salah ini sehingga di bawa semasa solat khususnya Surah Al-Fatihah yang merupakan rukun solat.

### **Objektif Kajian**

#### **Objektif Am:**

Membantu memperbaiki mutu bacaan Al-Quran melalui penggunaan warna pada hukum tajwid Mad Asli.

#### **Objektif Khusus:**

- Mengenal pasti tahap keberkesanan amalan pengajaran saya melalui penggunaan warna pada hukum Mad Asli di dalam bidang Asuhan Tilawah Al-Quran.
- Mengenal pasti tahap pencapaian murid dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan tepat melalui penggunaan warna pada huruf-huruf Mad.
- Mengenal pasti tahap persepsi murid terhadap pengaplikasian ilmu tajwid semasa membaca Al-Quran berdasarkan pengajaran melalui penggunaan warna.

### **Persoalan Kajian**

- Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dalam sesi P&P bidang Asuhan Tilawah Al-Quran berkesan dalam mengubah amalan pengajaran saya?
- Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat meningkatkan pencapaian murid dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan bacaan yang tepat?
- Sejauh manakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat mengubah persepsi murid bahawa ilmu hukum tajwid adalah sukar untuk diaplikasikan semasa membaca Al-Quran kepada sesi pembelajaran bacaan Al-Quran yang menarik dan mudah dipelajari?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Kajian tindakan yang telah saya jalankan ini, telah dirancang dengan rapi. Saya telah memilih untuk menjalankan kajian tindakan berbentuk kualitatif. Prosedur pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan modifikasi model kajian yang dibina oleh Kurt Lewin.

Bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar dan sentiasa berada dalam landasan yang betul, saya telah menyediakan kertas kerja kajian pada bulan Mac 2012.. Selain itu, saya turut membuat bacaan tambahan bagi mengetahui lebih lanjut mengenai masalah yang saya hadapi dan jalan penyelesaian yang dipilih. Kajian berkaitan dan kajian lepas ini saya selitkan bersama kertas kerja. Perancangan pelaksanaan kajian juga telah saya rangka. Intrumen-instrumen pengumpulan data telah dipilih dan dibentuk bersesuaian dengan objektif kajian.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Kajian ini dilaksanakan semasa sesi P&P Pendidikan Islam bagi bidang Asuhan Tilawah Al-Quran iaitu 2 waktu (1 jam) seminggu untuk tempoh 2 minggu.

Surah Al-Bayyinah dipilih bagi pelaksanaan kajian ini adalah kerana surah ini termasuk dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam bagi murid tahun 4. Hal ini dapat memenuhi objektif am P&P bagi komponen ini iaitu murid dapat membaca surah Al-Bayyinah dengan tepat pada sebutan huruf dan hukum tajwidnya.

Secara ringkasnya, kajian ini dimulakan dengan guru akan memperkenalkan teks bacaan Surah Al-Bayyinah tanpa ada sebarang penggunaan warna pada huruf-huruf Mad yang terdapat di dalam kalimah yang mempunyai hukum bacaan Mad Asli. Bacaan murid didengar

dan dirakam seterusnya dianalisis. Seterusnya, sesi P&P pada minggu berikutnya adalah menggunakan teks bacaan Surah Al-Bayyinah yang mempunyai warna pada huruf-huruf Mad pada kalimah yang mempunyai hukum bacaan Mad Asli. Bacaan murid didengar dan dirakamkan kemudian dianalisis dan seterusnya dibandingkan dengan bacaan pertama mereka.

Proses pelaksanaan kajian tindakan ini adalah pada 25 Jun 2012 sehingga 20 Julai 2012. Proses pelaksanaan ini adalah melibatkan 4 fasa utama.

<b>MINGGU / FASA</b>	<b>TARIKH</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>CATATAN</b>
1	25 Jun 2012	Mendapatkan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P).  Merancang strategi waktu melaksanakan kajian dan mengumpul data.	Sesi P&P Al-Quran adalah pada setiap hari Isnin (11.45 pagi - 12.45 tengahari).
	26 Jun 2012	Pemantauan terhadap tahap kesiediaan dan pencapaian peserta kajian.	Beberapa orang peserta kajian terpaksa ditukar atas sebab-sebab tertentu.
	27 Jun 2012	Mendapatkan persetujuan peserta kajian.	Surat persetujuan ditandatangani oleh peserta kajian.
	28 Jun 2012	Membuat persiapan untuk sesi P&P pada 2 Julai 2012.	Perbincangan bersama guru pembimbing dan rakan seinternship.
	29 Jun 2012	Mengemaskini instrument pengumpulan data	
2	02 Julai 2012	Melaksanakan sesi P&P Surah Al Bayyinah tanpa menggunakan warna pada hukum bacaan Mad Asli.  Pengumpulan data melalui penulisan refleksi peserta kajian.	Pemerhatian terhadap sesi P&P dijalankan oleh guru pembimbing.
		Pengumpulan data melalui Ujian Bacaan (Pra).	
	03 - 06 Julai 2012	Menganalisis data penulisan refleksi peserta kajian dan membuat penulisan refleksi guru.  Menganalisis bacaan peserta kajian melalui rakaman audio	Guru pelatih tidak berada di sekolah sepanjang tempoh ini.  Perbincangan bersama rakan sepengajian.
3	09 Julai 2012	Melaksanakan sesi P&P Surah Al Bayyinah dengan menggunakan warna pada hukum bacaan Mad Asli.  Pengumpulan data melalui	Pemerhatian terhadap sesi P&P dijalankan oleh guru pembimbing.  Aktiviti penulisan refleksi murid dijalankan selepas

		penulisan refleksi peserta kajian.	tamat sesi P&P.
	10-11 Julai 2012	Menganalisis data penulisan refleksi peserta kajian dan membuat penulisan refleksi guru.	Hasil rakaman bacaan peserta kajian dianalisis.
		Pengumpulan data melalui Ujian Bacaan (Pasca).	
	12-13 Julai 2012	Menganalisis hasil dapatan sepanjang 3 minggu Internship.	Perbincangan bersama pensyarah penasihat, mentor dan rakan-rakan.
4.	17 - 18 Julai 2012	Pengumpulan data melalui instrument soal selidik.	Menganalisis dapatan daripada borang soal selidik.
	19 - 20 Julai 2012	Mengemaskini hasil analisis dapatan.	Perbincangan bersama mentor dan rakan-rakan.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Saya telah menetapkan untuk melaksanakan proses P&P bidang Asuhan Tilawah Al-Quran (Surah Al-Bayyinah) kepada kumpulan sasaran saya iaitu 18 orang murid daripada kelas Tahun 4. Seterusnya, hanya 6 orang murid sahaja diambil sebagai peserta kajian yang terdiri daripada 3 lelaki dan 3 perempuan. Saya telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian hanya keatas 6 orang murid ini sahaja adalah kerana mereka merupakan pelajar yang lemah dalam pembelajaran Al-Quran di dalam kelas tersebut.

*Jadual 1 : Ciri-ciri Peserta Kajian*

PESERTA KAJIAN	CIRI-CIRI
1	Merupakan seorang murid lelaki yang pendiam. Dia tidak dapat membaca ayat Al-Quran dengan lancar. Kesalahan tajwid pada tahap sederhana. Dia merupakan seorang murid yang rajin datang ke sekolah dan sentiasa berusaha untuk menunjukkan sikap yang baik. Dia suka membaca buku pada waktu rehat.
2	Merupakan seorang murid lelaki yang bijak dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Dia mudah faham apa yang di sampaikan oleh guru. Tetapi, dia tidak dapat membaca ayat Al-Quran dengan lancar dan kesalahan tajwidnya adalah pada tahap sederhana. Dia sentiasa bersedia untuk guru.
3	Merupakan murid perempuan yang mempunyai tahap bacaan pada aras sederhana. Walaupun dia membaca Al-quran dengan lancar, namun dia sering melakukan kesilapan tajwid semasa membaca Al-Quran. Dia merupakan murid yang aktif dalam memberi respond terhadap persoalan guru. Dia mempunyai kurang keyakinan diri untuk membaca Al-Quran secara individu.
4	Merupakan seorang murid perempuan yang lemah dari aspek bacaan Al-Quran. Dia agak pendiam di dalam bilik darjah serta mempunyai suara yang perlahan. Dia hanya akan bercakap sekiranya ditanya atau disuruh oleh guru. Namun, dia seorang yang rajin berusaha. Dia akan berusaha untuk memperbaiki bacaanya Al-Qurannya. Dia sentiasa cuba untuk berkawan bersama murid-murid yang bijak.
5	Merupakan seorang murid perempuan yang pendiam dan mempunyai tahap bacaan Al-Quran sederhana. Dia sering menyendiri dan kurang keyakinan diri untuk memperdengarkan bacaan di hadapan kelas. Dia sentiasa menyiapkan kerja tepat pada masanya dan dia juga rajin berjumpa guru secara peribadi

---

	untuk bertanya soalan.
6	Merupakan pelajar lelaki yang sangat aktif dan suka mendapatkan perhatian guru. Tahap bacaan Al-Qurannya adalah paling lemah berbanding 5 lagi peserta kajian. Dia kerap melakukan kesilapan bacaan walaupun telah diperbetulkan oleh guru. Dia mempunyai penyakit asma dan sering tidak hadir ke sekolah.

---

### **Etika Penyelidikan**

Etika penyelidikan adalah merupakan satu set nilai moral yang menjadi panduan penyelidik. Antara aspek-aspek yang perlu diberi perhatian dalam etika penyelidikan ini ialah kebenaran; penglibatan; kerahsiaan; anomiti; dan rundingan.

Bagi melaksanakan kajian ini, saya telah mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah melalui surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Penyelidikan IPGKBL. Selain itu, saya juga telah mendapatkan kebenaran peserta kajian dan guru Pendidikan Islam yang mengajar murid-murid berkaitan. Saya telah menjelaskan matlamat kajian ini kepada setiap yang berkenaan. Enam orang peserta kajian yang terlibat telah mendapat penjelasan mengenai matlamat kajian, kaedah pelaksanaan, faedah yang diperoleh dan masalah yang mungkin timbul melalui kajian ini. Selain itu, saya memastikan bahawa hak setiap peserta kajian diutamakan.

Saya turut menjaga identiti peserta kajian dengan tidak mendedahkan nama mereka. Maklumat ciri-ciri mereka yang tercatat di dalam laporan ini adalah dengan izin peserta kajian. Akhir sekali, saya juga perlu memastikan data yang telah dikumpul digunakan untuk kajian ini semata-mata. Hasil analisis data hanya boleh digunakan sebagai alat pengukuran untuk kajian ini sahaja.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### **a) Ujian Lisan**

Ujian lisan ini dijalankan secara berperingkat iaitu Ujian Pra Bacaan dan Ujian Pasca Bacaan. Ujian Pra Bacaan adalah untuk mengenal pasti kelemahan sebelum melaksanakan strategi manakala Ujian Pasca Bacaan dijalankan adalah bagi melihat perubahan dan peningkatan dalam mutu bacaan Al-Quran murid selepas kaedah warna diperkenalkan. Satu senarai semak kalimah-kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli disediakan bagi menyemak mutu bacaan murid pada kalimah-kalimah tersebut. Pada setiap peringkat, peserta kajian akan memperdengarkan bacaan Surah Al-Bayyinah kepada saya sambil merujuk kepada teks surah yang telah di sediakan. Saya akan mendengar bacaan peserta kajian dan seterusnya menyemak senarai kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli yang terdapat pada surah tersebut. Setiap kali peserta kajian dapat membaca dengan bacaan yang betul dan tepat, saya akan menandakan ( / ) dan ( x ) sekiranya bacaannya salah. Bagi mengukuhkan bukti proses mengumpul data, rakaman audio akan dilaksanakan semasa peserta kajian menjalani ujian lisan.

#### **b) Pemerhatian**

Jenis pemerhatian yang dijalankan adalah secara berstruktur. Proses pemerhatian dilaksanakan pada setiap sesi P&P bidang Asuhan Tilawah Al-Quran. Senarai semak item-item yang diperhatikan telah disediakan bagi memudahkan proses pemerhatian berstruktur ini agar tidak menyimpang daripada objektif utama kajian. Bagi mengelakkan berlaku bias, saya akan meminta bantuan guru Pendidikan Islam lain untuk membantu melaksanakan pemerhatian semasa saya menjalankan sesi P&P. Pemerhati menjalankan pemerhatian berdasarkan item-item yang telah ditetapkan. Hasil pemerhatian direkodkan pada senarai semak yang disediakan.

**c) Catatan Refleksi**

Catatan refleksi yang dilaksanakan ini adalah melibatkan refleksi terhadap sesi P&P yang saya laksanakan. Catatan refleksi ini ditulis oleh peserta kajian dan saya sendiri. Aktiviti penulisan catatan refleksi dilakukan pada setiap kali saya selesai melaksanakan sesi P&P. Peserta kajian membuat refleksi terhadap sesi P&P yang telah dilalui dengan bimbingan guru. Catatan refleksi ini merangkumi kelemahan dan kekurangan terhadap sesi pengajaran yang telah dilaksanakan oleh saya. Catatan refleksi saya adalah berdasarkan catatan refleksi yang direkodkan pada Rancangan Pengajaran Harian (RPH).

**d) Temu Bual**

Sesi temu bual yang saya jalankan adalah melibatkan guru Pendidikan Islam. Bentuk temu bual yang saya jalankan adalah temu bual berstruktur. Bersama temu bual berstruktur ini, saya akan membuat catatan dan rakaman audio terhadap setiap sesi temu bual. Sesi temu bual bersama guru Pendidikan Islam dilaksanakan di akhir pelaksanaan kajian.

**e) Soal Selidik**

Soal selidik yang saya gunakan adalah jenis soalan tertutup *dichotomous*. Skala bagi soal selidik ini hanya mengandungi dua pilihan iaitu ya atau tidak. Soal selidik ini telah disediakan dalam bentuk borang. Borang soal selidik ini mengandungi enam item pernyataan. Borang ini diedarkan kepada peserta kajian selepas P&P Asuhan Tilawah Al-Quran yang menggunakan warna pada kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dilaksanakan.

**Teknik Menganalisis Data**

**a) Ujian Lisan**

Seperti yang telah dimaklumkan, sesi ujian lisan bacaan ini dilengkapi dengan senarai semak kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dan rakaman audio. Saya telah mendengar semula rakaman audio sebanyak 3 kali bagi mengesahkan senarai semak yang direkodkan semasa peserta kajian membaca Surah Al-Bayyinah. Seterusnya, kaedah analisis pola digunakan bagi menganalisis senarai semak tersebut. Peratusan kalimah yang dibaca dengan betul semasa peringkat pra bacaan dibandingkan dengan peratusan bacaan kalimah tersebut semasa peringkat pasca bacaan.

**b) Pemerhatian**

Senarai semak yang digunakan di dalam proses pemerhatian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil pemerhatian pada senarai semak dibaca. Seterusnya, setiap hasil pemerhatian pada item senarai semak dibandingkan antara peringkat pertama dan kedua kajian.

**c) Catatan Refleksi**

Catatan refleksi peserta kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Teks refleksi dibaca beberapa kali dengan teliti. Seterusnya, saya membahagikan data yang diperolehi kepada kategori-kategori tertentu. Akhir sekali, saya telah membuat kesimpulan ringkas mengenai kandungan refleksi peserta kajian. Proses yang sama digunakan bagi menganalisis catatan refleksi saya.

**d) Temu Bual**

Proses temu bual yang telah dirakamkan dianalisis. Saya telah mendengar kandungan rakaman sebanyak 3 kali. Data berbentuk rakaman kemudiannya dipaparkan dalam bentuk transkrip. Melalui transkrip, saya dapat mengenal pasti tema dan seterusnya menganalisis kandungan temu bual melalui tema-tema tersebut. Rubin & Rubin (1995) dalam Chow (2011), berkata bahawa penyelidik boleh mencari tema daripada bahasa kiasan responden.

### e) Soal Selidik

Borang soal selidik yang telah lengkap diisi dianalisis secara manual. Respond peserta kajian samada ya atau tidak dikira berdasarkan item pernyataan soal selidik. Hasil analisis borang soal selidik diinterpretasi secara huraian kaulitatif. Dapatan yang diperoleh digunakan bagi menyokong menjawab persoalan kajian.

### Teknik Menyemak Data

Bagi mengukuhkan data yang diperoleh, saya telah memilih untuk menggunakan pelbagai kaedah bagi mengumpul data bagi setiap satu persoalan kajian. Manakala bagi menjamin kebolehpercayaan data yang saya kumpul, saya menggunakan pelbagai sumber bagi setiap data. Jadual 2 menunjukkan kaedah mengumpul data dan sumber data yang digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian.

*Jadual 2: Triangulasi Kaedah*

Persoalan Kajian	Kaedah Mengumpul Data	Sumber Data
Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dalam sesi P&P bidang Asuhan Tilawah Al-Quran berkesan dalam mengubah amalan pengajaran saya?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Catatan refleksi</li> <li>• Temu bual</li> <li>• Soal selidik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta kajian</li> <li>• Saya</li> <li>• Guru pembimbing</li> <li>• Peserta kajian</li> </ul>
Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat meningkatkan pencapaian murid dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan bacaan yang tepat?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian lisan</li> <li>• Soal Selidik</li> <li>• Temu bual</li> <li>• Pemerhatian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta kajian</li> <li>• Peserta kajian</li> <li>• Guru pembimbing</li> <li>• Guru pembimbing</li> </ul>
Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat meningkatkan minat murid terhadap aktiviti membaca Al-Quran?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Soal selidik</li> <li>• Catatan refleksi</li> <li>• Pemerhatian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta kajian</li> <li>• Peserta kajian</li> <li>• Saya</li> <li>• Guru Pembimbing</li> </ul>

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

#### **Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dalam sesi P&P bidang Asuhan Tilawah Al-Quran berkesan dalam mengubah amalan pengajaran saya?**

Pendekatan warna pada huruf-huruf Mad di dalam sesi P&P Asuhan Tilawah Al-Quran terbukti berkesan dalam membantu mengubah amalan pengajaran saya. Aspek amalan pengajaran ini meliputi keberkesanan proses P&P dan pemilihan strategi yang tepat. Bagi menyokong dapatan ini, saya akan mengemukakan hasil analisis catatan refleksi saya sendiri; catatan refleksi peserta kajian; temu bual bersama guru pembimbing dan analisis borang soal selidik.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan catatan refleksi saya bagi aspek kekuatan semasa sesi P&P 1 dan 2. Melalui catatan refleksi saya, ketiga-tiga objektif pembelajaran bagi sesi P&P 9 Julai 2012 tercapai jika dibandingkan pada 2 Julai 2012, hanya 1 objektif pembelajaran sahaja dapat dicapai iaitu aras 1.

Jadual 3: Perbandingan Hasil Penulisan Refleksi Kekuatan Sesi P&P Saya

	02 JULAI 2012	09 JULAI 2012
<b>KEKUATAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi P&amp;P berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.</li> <li>Objektif pembelajaran aras 1 dapat dicapai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesi P&amp;P berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.</li> <li>Ketiga-tiga aras objektif pembelajaran dapat dicapai.</li> </ul>

Objektif pembelajaran yang tercapai pada sesi P&P bertarikh 9 Julai 2012 telah membuktikan keberkesanan penggunaan warna pada huruf-huruf Mad telah membantu mengubah amalan pengajaran saya.

Jadual 4 perbandingan hasil penulisan refleksi peserta kajian 1, dan 2 selepas menjalani ujian lisan pra dan pasca berdasarkan item 1 persoalan refleksi (Adakah cara guru mengajar membaca Al-Quran pada hari ini dapat membantu anda membaca Al-Quran dengan betul? Mengapa?). Hasil catatan refleksi menunjukkan, peserta kajian mengakui bahawa penggunaan kad Surah Al-Bayyinah berwarna yang diperkenalkan oleh saya di dalam Ujian Pasca dapat memudahkan mereka untuk menyebut kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan tepat.

Jadual 4: Perbandingan Penulisan Refleksi Peserta Kajian Bagi Item 1

PESERTA KAJIAN	UJIAN PRA	UJIAN PASCA	RUMUSAN
1	Ya. Saya dapat baca Al-Quran hari ini kerana saya membaca selepas ustazah membaca.	Ya. Saya dapat membaca Al-Quran hari ini kerana saya baca kad Al-Quran yang ustazah bagi.	Peserta kajian menyedari bahawa kad surah yang diberikan saya dapat membantu dia membaca Al-Quran tanpa perlu menunggu bacaan daripada saya.
2	Ustazah menolong saya membaca Al-Quran bila saya salah sebut.	Ustazah tidak menolong saya membaca al-Quran lagi sebab saya tidak salah sebut lagi.	Peserta kajian menyedari bahawa dia tidak memerlukan bantuan saya lagi untuk membaca Al-Quran dengan sebutan yang tepat.

Hal ini menunjukkan bahawa saya telah mengubah strategi P&P saya daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Secara keseluruhan, murid-murid tidak lagi berharap kepada bimbingan saya untuk membantu mereka menyebut dengan tepat. Warna merah pada huruf-huruf mad telah membantu murid-murid menyedari kewujudan hukum Mad Asli. Strategi berpusatkan murid dapat menggalakkan murid bertanggungjawab dan melibatkan diri bagi membantu mereka memahami bagaimana untuk belajar (Noriati, Boon & Sharifah, 2009).

Dapatan ini turut disokong oleh hasil temu bual saya bersama guru pembimbing. Guru pembimbing mengakui keberkesanan pendekatan warna yang digunakan oleh saya didalam sesi P&P pada 9 Julai 2012 melalui kata-kata beliau;

**“P&P kitak sukses..”**

(TB/GP/T1/1)

Guru pembimbing juga mengakui pendekatan dan strategi yang digunakan di dalam sesi P&P tersebut memberi peluang kepada murid untuk melibatkan diri secara aktif di dalam sesi P&P.

**“Kitak lebih banyak berfokus kepada murid...bukan guru jak yang pot pet pot pet pot pet tapi pelajar sekali memberi tindak balas di atas apa yang kitak ajar”.**

(TB/GP/T1/2-3)

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis soal selidik bagi item 1 dan 2. Kesemua peserta kajian mengakui bahawa mereka faham apa yang diajarkan oleh guru mengenai Mad Asli dan mereka juga mengakui bahawa mereka suka apabila guru mewarnakan huruf-huruf Mad Asli.

*Jadual 5: Analisis Borang Soal Selidik*

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Saya faham apa yang diajarkan oleh ustazah tentang Mad Asli.	6	0
2.	Saya suka apabila ustazah warnakan huruf-huruf Mad Asli.	6	0

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa pendekatan warna ini telah mengubah amalan pengajaran penyelidik khususnya dari aspek keberkesanan proses P&P. Berdasarkan dapatan kajian, terbukti bahawa penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli dalam pengajaran Surah Al-Bayyinah telah membantu mencapai objektif pembelajaran khususnya dalam memastikan murid-murid dapat membaca dengan sebutan yang tepat.

**Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat meningkatkan pencapaian murid dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan bacaan yang tepat?**

Penggunaan warna pada huruf-huruf Mad terbukti dapat meningkatkan pencapaian murid dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan bacaan yang tepat. Bagi menjawab persoalan kedua ini, saya akan berkongsi hasil analisis daripada ujian lisan; temu bual bersama guru pembimbing dan catatan rekod pemerhatian.

Jadual 6 menunjukkan nilai penambahan markah bagi setiap peserta kajian. Jumlah markah dipamerkan dalam nilai peratusan. Secara keseluruhannya, nilai tokokan menunjukkan peningkatan markah bagi setiap peserta kajian pada markah Ujian Pasca jika dibandingkan dengan Ujian Pra. Nilai pertambahan tertinggi adalah sebanyak 42.3 % melalui pencapaian peserta kajian 6. Manakala nilai pertambahan terendah adalah 8.9 % yang telah dicapai oleh peserta kajian 4.

*Jadual 6: Nilai Tokokan Markah Peserta Kajian.*

PESERTA KAJIAN	MARKAH (%)		NILAI TOKOKAN (+/-)
	UJIAN PRA	UJIAN PASCA	
1	42.2	73.3	+31.1 %
2	51.1	62.2	+11.1 %
3	60.0	91.1	+31.1 %
4	68.9	77.8	+08.9 %
5	48.9	91.1	+42.2 %
6	46.6	88.9	+42.3 %

Pertambahan jumlah markah yang positif ini membuktikan bahawa penggunaan warna pada huruf-huruf Mad membantu meningkatkan pencapaian murid dalam membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan bacaan yang tepat.

Dapatan ini juga disokong oleh hasil temu bual saya bersama guru pembimbing. Guru pembimbing mengesahkan bahawa pendekatan penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dalam kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli ini dapat meningkatkan prestasi bacaan Al-Quran murid;

**“daknya orang dapat menyebut. Dapat menyebut kalimah, dapat membaca surah dengan lancar. Yang kurang lancar yaa, bukannya sik lancar tapi kurang ajak.”**

(TB/GP/T3/4)

**“nya tauk jumlah harakat yaa berapa...”**

(TB/GP/T3/6)

Selain itu, dapatan ini turut disokong melalui analisis rekod pemerhatian. Jadual 7 adalah perbandingan rekod pemerhatian dua sesi P&P bagi item 4, 5, 6, 7, 8 dan 9.

Rekod pemerhatian menunjukkan bahawa murid dapat menyatakan huruf-huruf Mad Asli dan juga dapat memberikan contoh kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli (item 5 dan 6) sejak awal sesi P&P dilaksanakan. Hal ini menunjukkan murid telah mempunyai pengetahuan sedia ada mengenai hukum Mad Asli. Namun, murid tidak dapat menyatakan maksud hukum tajwid Mad Asli dengan betul (item 4); murid tidak dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum Mad Asli dengan tepat (item 7); murid tidak dapat mengurangkan kadar kesalahan bacaan hukum Mad Asli dalam surah Al-Bayyinah (item 8) dan murid tidak dapat membaca surah Al-Bayyinah dengan hukum tajwid yang betul (item 9) pada sesi P&P yang pertama iaitu pada 2 Julai 2012.

Setelah pendekatan warna pada huruf-huruf Mad Asli diperkenalkan pada sesi P&P yang berikutnya (9 Julai 2012), kesemua item pemerhatian didapati berubah kearah positif.

*Jadual 7: Perbandingan dapatan hasil pemerhatian*

BIL	PEMERHATIAN	02 Julai	09 Julai
4.	Murid dapat menyatakan maksud hukum tajwid Mad Asli dengan betul.	×	√
5.	Murid dapat menyatakan huruf-huruf Mad Asli.	√	√
6.	Murid dapat memberikan contoh kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli.	√	√
7.	Murid dapat membaca perkataan yang mengandungi hukum Mad Asli dengan tepat.	×	√
8.	Murid dapat mengurangkan kadar kesalahan bacaan hukum Mad Asli dalam surah Al-Bayyinah.	×	√
9.	Murid dapat membaca surah Al-Bayyinah dengan hukum tajwid yang betul.	×	√

Jadual 8 menunjukkan hasil analisis soal selidik bagi item 3. Kesemua peserta kajian mengakui bahawa warna merah pada huruf-huruf Mad Asli membantu mereka menyebut dengan betul. Penggunaan warna pada huruf-huruf mad membantu murid mengesan kewujudan hukum Mad Asli dan seterusnya mengingatkan mereka untuk membaca dengan bacaan panjang 2 harakat.

*Jadual 8: Analisis Borang Soal Selidik*

BIL	ITEM	YA	TIDAK
3.	Warna merah pada huruf-huruf Mad Asli membantu saya menyebut dengan betul.	6	0

Penggunaan pendekatan warna ini telah membantu murid dalam menyedari kewujudan hukum Mad Asli di dalam ayat Al-Quran yang dibaca. Apabila murid menyedari kewujudan hukum Mad Asli, secara tidak langsung mereka akan terus membaca bahagian kalimah tersebut dengan bacaan panjang dua harakat. Hal ini seterusnya akan mengurangkan kadar kesalahan bacaan hukum Mad Asli.

Murid bukan sahaja dapat menyatakan maksud hukum Mad Asli, dan membaca dengan bacaan yang tepat, malah mereka juga dapat mengenalpasti kewujudan hukum Mad Asli dalam sesebuah ayat Al-Quran. Perkara ini jelas terbukti melalui teori pengamatan yang

sering dikaitkan dengan warna dan seni. (Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan, 2003) menyatakan bahawa pengamatan adalah salah satu cara mendapatkan ilmu pengetahuan.

**Adakah penggunaan warna pada huruf-huruf Mad dapat mengubah persepsi murid bahawa ilmu tajwid adalah sukar untuk diaplikasikan semasa membaca Al-Quran kepada sesi pembelajaran bacaan Al-Quran yang menarik dan mudah dipelajari?**

Daripada hasil analisis dapatan kajian persoalan kedua, terbukti bahawa penggunaan warna pada huruf-huruf Mad di dalam pengajaran Surah Al-Bayyinah dapat membantu meningkatkan pencapaian bacaan peserta kajian. Dengan berlakunya peningkatan pencapaian dalam bacaan ini, murid-murid dapat merasakan bahawa pelajaran Tajwid adalah tidak sukar untuk dipelajari dan diaplikasikan. Perkara ini akan mendorong mereka untuk menyukai pelajaran bacaan Al-Quran umumnya.

Perkara ini akan saya sokong dengan hasil analisis borang soal selidik, rekod catatan refleksi peserta kajian dan analisis temu bual bersama guru pembimbing.

Jadual 9 menunjukkan keseluruhan maklum balas peserta kajian terhadap tiga item yang yang terdapat di dalam edaran borang soal selidik.

Item 4 dan 5 adalah bagi menilai tahap persepsi peserta kajian terhadap pembelajaran hukum tajwid. Bagi item 4, kesemua peserta kajian bersetuju bahawa mereka merasa seronok belajar tajwid. Manakala, bagi item 5, Cuma 5 orang peserta kajian sahaja yang bersetuju bahawa belajar tajwid adalah tidak susah. Manakala seorang peserta kajian tidak bersetuju dengan item tersebut.

Item 6 didalam borang soal selidik ini adalah bertujuan untuk menilai perasaan peserta kajian terhadap sesi P&P bidang Asuhan Tilawah Al-Quran. Keenam-enam peserta kajian bersetuju bahawa mereka semakin suka membaca Al-Quran.

Secara keseluruhan, peserta kajian mempunyai persepsi yang positif terhadap sesi pembelajaran Al-Quran khususnya ilmu Tajwid.

*Jadual 9: Analisis Borang Soal Selidik*

BIL	ITEM	YA	TIDAK
4.	Saya merasa seronok belajar tajwid.	6	0
5.	Belajar tajwid tidak susah.	5	1
6.	Saya semakin suka membaca Al-Quran	6	0

Jadual 10 menunjukkan catatan refleksi peserta kajian 3 dan 4 bagi item 3 (Apakah perasaan anda semasa belajar membaca Al-Quran tadi? Kenapa?). Ringkasnya, setiap peserta kajian mengalami perubahan perasaan kearah lebih positif. Peserta Kajian 4 yang pada awalnya berasa sedih kerana tidak dapat membaca dengan lancar, mengakui berasa gembira apabila dapat membaca dengan betul bersama kawan-kawan melalui penggunaan warna pada hukum Mad Asli.

*Jadual 10: Perbandingan penulisan refleksi peserta kajian bagi item 3*

PESERTA KAJIAN	UJIAN PRA	UJIAN PASCA	RUMUSAN
3	Gembira dan seronok. Kerana saya pernah membaca surah Al-Bainah.	Sangat gembira. Kerana saya dapat membaca surah Al-Baiyinah dengan betul.	Peserta kajian berasa semakin gembira apabila bukan sahaja kerana pernah membaca surah Al-Bayyinah malahan

			dapat membaca dengan betul.
4	Sedih. Saya tidak dapat membaca dengan lancar seperti kawan-kawan.	Saya rasa gembira. Saya dapat membaca dengan betul dan lancar.	Peserta kajian menyatakan kegembiraan apabila dapat membaca dengan betul dan lancar seperti kawan-kawan.

Jadual 11 menunjukkan perbandingan catatan refleksi peserta kajian 5 dan 6 bagi item 4 (Adakah anda suka belajar membaca Al-Quran? Kenapa?). secara keseluruhannya, peserta kajian mengubah alasan suka membaca Al-Quran. Pada Ujian Pra, mereka meletakkan kawan-kawan dan saya sebagai faktor pendorong motivasi. Manakala selepas Ujian Pasca, mereka mempunyai motivasi intrinsik apabila mampu membaca sendiri dengan betul melalui penggunaan kad Surah Al-Bayyinah berwarna.

*Jadual 11: Perbandingan Penulisan Refleksi Peserta Kajian Bagi Item 4*

PESERTA KAJIAN	UJIAN PRA	UJIAN PASCA	RUMUSAN
5	Saya suka belajar membaca Al-Quran. Kerana kawan-kawan sentiasa membaca bersama-sama saya.	Saya suka belajar membaca al-Quran. Kerana saya dapat membaca sendiri dengan lancar.	Faktor yang mendorong persepsi suka terhadap aktiviti membaca Al-Quran peserta kajian berubah. Di dalam Ujian Pra, peserta kajian meletakkan kawan-kawan sebagai faktor manakalan di dalam Ujian Pasca, peserta kajian meletakkan kebolehan diri sebagai faktor.
6	Suka. kerana ustazah sentiasa menolong saya.	Saya semakin suka belajar membaca Al-Quran. Sebab saya dapat baca dengan betul.	Persepsi positif peserta kajian semakin meningkat kerana dapat membaca dengan betul tanpa memerlukan bantuan saya.

Seterusnya, jadual 12 menunjukkan hasil perbandingan catatan pemerhatian bagi dua sesi P&P. Catatan menunjukkan bahawa murid tidak menunjukkan minat terhadap sesi pembelajaran hukum tajwid di dalam sesi yP&P yang pertama. Setelah pendekatan warna digunakan pada sesi P&P kedua (9 Julai 2012), murid menunjukkan perubahan reaksi. Persepsi yang positif terhadap sesi P&P ditunjukkan melalui reaksi minat terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.

*Jadual 12: Perbandingan catatan pemerhatian*

BIL	ITEM FOKUS	02 Julai	09 Julai
10	Murid menunjukkan minat terhadap sesi pembelajaran hukum tajwid	×	√

Persepsi murid terhadap aktiviti pembelajaran ilmu Tajwid didapati berubah sedikit demi sedikit kearah yang lebih baik. Murid mula beranggapan bahawa tajwid adalah mudah untuk diaplikasikan di dalam bacaan Al-Quran. Perubahan persepsi murid ini dikesan melalui catatan refleksi mereka, borang soal selidik dan rekod catatan pemerhatian.

Persepsi yang baik terhadap pembelajaran Al-Quran akan mendorong murid untuk suka terhadap bidang ini. Dengan adanya rasa suka, murid akan belajar dalam keadaan gembira dan harmoni. Hal ini akan membina motivasi dalam diri murid untuk mencintai Al-Quran secara tidak langsung. Guru haruslah sedar bahawa mengajar Al-Quran bukan sahaja bermaksud pelajar boleh membaca Al-Quran, tetapi memupuk perasaan cinta kepada Al-Quran serta menjadikan hati mereka jinak dengan Al-Quran (Mohd Yusuf, 2000).

### **Refleksi Penilaian tindakan**

Pendekatan penggunaan warna dalam membantu murid menyebut kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli yang telah saya perkenalkan dalam kajian ini diakui mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Kekuatan utama pendekatan ini ialah ianya dapat memotivasikan murid-murid khususnya peserta kajian. Hasil penulisan reflektif peserta kajian menunjukkan bahawa mereka mengakui berasa seronok dan gembira kerana mampu membaca Al-Quran dengan sendiri tanpa ada melakukan kesilapan sebutan. Dalam bidang psikologi seni, warna dapat mempengaruhi emosi seseorang. Warna yang cerah dan terang menimbulkan perasaan riang dan gembira (Mohd Johari, 2006)

Strategi pelaksanaan sesebuah sesi P&P memainkan peranan yang penting dalam menjamin keberkesanan pendekatan penggunaan warna pada huruf kalimah yang mengandungi huruf Mad Asli ini. Strategi P&P ini merangkumi pemilihan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan kaedah penyampaian yang pelbagai seperti permainan, nyanyian dan perbincangan. Semasa memperkenalkan pendekatan warna ini di dalam sesi P&P, saya menggunakan BBM berbentuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) iaitu slaid PowerPoint. Slaid PowerPoint ini dilengkapi dengan media audio dan visual yang menarik. Selain itu, saya juga menggunakan kaedah permainan bagi mengekalkan semangat murid untuk membaca Al-Quran dengan betul. Pemilihan strategi P&P yang tepat boleh membantu mengubah persepsi murid bahawa sesi P&P Al-Quran adalah membosankan.

Kelemahan yang terdapat dalam penyelidikan tindakan ini adalah dari aspek pemilihan surah. Memandangkan persiapan mewarnakan huruf-huruf Mad Asli dilaksanakan secara manual, satu demi satu, hanya surah-surah lazim sahaja yang sesuai diaplikasikan penggunaan pendekatan warna ini. Oleh itu, pendekatan ini dapat dilaksanakan dalam sesi pengajaran bidang Asuhan Tilawah Al-Quran. Kaedah ini sememangnya memerlukan persediaan yang rapi. Saya telah melaksanakan proses pemurnian sebanyak tiga kali dalam menentukan hukum Mad Asli yang terdapat di dalam Surah Al-Bayyinah. Persediaan yang rapi ini perlu bagi mengelak melakukan kesilapan khususnya dalam menyampaikan ilmu berkaitan Al-Quran.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Sebagai seorang bakal pendidik, saya menyedari kepentingan untuk memperlengkapkan diri bagi menghadapi sebarang cabaran dalam dunia pendidikan. Objektif pembelajaran yang tidak dapat dicapai sepenuhnya adalah antara cabaran besar yang dihadapi dalam bilik darjah. Keberkesanan sesebuah sesi P&P bukan hanya dilihat kepada pembinaan BBM dan aktiviti yang banyak dan menarik semata-mata namun dilihat dari aspek sejauhmanakah BBM dan aktiviti yang disediakan tersebut mampu membantu murid memahami isi pelajaran yang disampaikan.

Proses membuat refleksi terhadap setiap amalan sendiri membantu saya untuk mengenalpasti dan menganalisa masalah seterusnya merancang tindakan berdasarkan teori dan akhir sekali melaksanakan apa yang telah dirancang. Pemikiran reflektif turut  
*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/  
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

membantu saya untuk sentiasa mencari jalan penyelesaian untuk setiap masalah yang timbul. Dalam usaha mencari jalan penyelesaian ini, saya perlulah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan melalui pembacaan bahan ilmiah yang banyak. Licklider (1997) dalam Noriati, Boon & Wong (2010) mencadangkan bahawa pembelajaran sendiri melalui amalan reflektif menjadikan guru-guru sentiasa menyemak semula amalan P&P.

Dalam aspek ketrampilan, saya telah berpeluang untuk meningkatkan kemahiran dan menambah ilmu pengetahuan khususnya dalam aspek ilmu hukum tajwid Al-Quran. Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Al-Quran membantu saya membina keyakinan diri untuk menyampaikan ilmu. Guru Al-Quran haruslah mendalami ilmu Al-Quran dan memperelokkan bacaannya supaya dapat diperturunkan kepada pelajar-pelajar dengan bacaan yang baik (Mohd Yusuf, 2000). Selain itu, saya juga berpeluang untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu yang betul dan tepat. Kemahiran ini saya perolehi sepanjang proses menyediakan kertas kerja dan laporan akhir kajian tindakan ini.

### **Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya**

Berdasarkan kesan positif yang berlaku kepada murid-murid khususnya dalam memperbaiki mutu bacaan Al-Quran, saya berhasrat untuk memperkembangkan kajian ini pada peringkat yang lebih luas. Penggunaan elemen warna ini boleh diaplikasikan kedalam hukum bacaan mad-mad yang lain seperti Mad l'wad dan Mad 'Arid Lissukun ataupun pada hukum-hukum tajwid lain seperti hukum Nun Mati dan Tanwin, hukum Mim mati dan Alif Lam. Saya ingin memastikan murid-murid berpeluang untuk mempelajari ilmu tajwid dengan pendekatan yang mudah bagi memupuk rasa cinta terhadap Al-Quran.

Selain itu, saya juga boleh menggunakan pendekatan penggunaan elemen warna ini dalam bidang pengajaran Pendidikan Islam yang lain seperti Jawi, Ibadah dan Sirah. Antara tajuk-tajuk yang saya rasakan sesuai menggunakan elemen warna adalah kemahiran menyambung huruf jawi dan kedudukan imam dan makmum di dalam solat berjemaah. Hal ini adalah kerana saya yakin, penggunaan warna bukan sahaja dapat menarik minat murid malahan juga dapat membantu murid untuk mengingat.

### **RUJUKAN**

- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam Dan J-qaf: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Chow Fook Meng, Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep Dan Amalan Dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng. (1997). *Psikologi Pendidikan II*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2005). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2006). *Asas Seni Visual*. Selangor: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan. (2003). *Pendidikan seni Untuk MAktab & Universiti*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noriati A. Rashid, Boon Pon Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Shahril @ Charil bin Hj Marzuki. (2004) *Amalan Pengajaran yang berkesan : kajian di Beberapa Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan dan Selangor*. *Jurnal Pendidikan*. Universiti Malaya. 29-40